

# **Aksesibiliti OKU Di Institusi Masjid-Masjid Daerah Tanjung Malim, Perak**

**Abdul Munir Bin Ismail**

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjong Malim, Perak Malaysia

abdmunir@fsk.edu.my /sungaiserailangat@gmail.com

## **ABSTRAK**

Aksesibiliti OKU terhadap sesebuah bangunan merupakan sesuatu yang sangat penting untuk diwujudkan khususnya di masjid menjadi pusat kegiatan umat Islam. Golongan OKU merupakan golongan yang kurang bernasib baik dan ada dalam kalangan mereka ini mempunyai pergerakan yang terhad mengakibatkan mereka sukar untuk akses terhadap kemudahan yang sedia ada di masjid. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji berkenaan dengan aksesibiliti OKU terhadap masjid-masjid di daerah Tanjung Malim. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual kepada beberapa orang dipilih untuk mengulas berkenaan dengan aksesibiliti OKU di masjid tertentu. Antara masjid yang terlibat dalam kajian ini ialah Masjid Jamek Tanjung Malim, Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Masjid Sultan Azlan Shah, UPSI, Masjid Behrang Ulu, dan Masjid al-Taqwa, Proton City. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa masjid-masjid di daerah Tanjung Malim masih tidak bersifat "Mesra OKU" di mana tiada terdapat kemudahan dan fasiliti khas boleh diakses oleh golongan OKU melainkan Masjid Sultan Azlan Shah, UPSI.

**Kata kunci :** aksesibiliti, orang kurang upaya, institusi masjid.

## **ABSTRACT**

Disabled accessibility of a building is something that is very important to set up, especially in the mosque became the center of Muslim activity. The disabled are those who are less fortunate and are among those who have limited mobility caused them difficult to access to existing facilities at the mosque. This study aims to examine with respect to handicapped accessibility to the mosques in the downtown district. This study using observation and interviews to a few selected people to comment on the accessibility of the disabled in certain mosques. The mosque involved in this study were downtown Masjid Jamek, Masjid Al-Hidayah Behrang 2020 Proton City, Sultan Azlan Shah mosques, UPSI, Behrang Ulu Mosque and Masjid al-Taqwa, Proton City. The findings show that the mosques in the downtown area is still not being "disabled friendly" where there are no facilities and special facilities accessible to people with disabilities unless the Sultan Azlan Shah mosques, UPSI.

**Keywords:** accessibility, people with disabilities, the institution of the mosque.

Presenter's biodata: Abdul Munir Bin Ismail adalah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI.

## PENGENALAN

Orang kurang upaya (OKU) adalah manusia yang tidak berupaya memperolehi sesuatu keperluan disebabkan kekurangan segi fizikal atau mental samada berlaku semenjak lahir, kemalangan atau pun berpunca daripada sesuatu penyakit. (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2008). Lazimnya golongan kehilangan upaya ini dapat dilihat dari aspek fizikal seperti kehilangan kaki, tangan dan pergerakan anggota badan yang mengurangkan fungsi keupayaan seseorang untuk bergerak melakukan sesuatu. Istilah OKU biasanya digunakan dengan merujuk kepada fungsi individu seperti kelemahan fizikal, deria, kognitif, intelektual atau kesihatan mental. Penggunaan ini dikaitkan dengan model ketidakupayaan perubatan dan bukan model ketidakupayaan sosial atau hak asasi manusia.

Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat tahun 2011, terdapat sebanyak 359,203 orang kurang upaya di seluruh Malaysia. Etnik Melayu adalah paling ramai iaitu berjumlah 224,997 orang berbanding lain-lain kaum. Manakala pecahan mengikut ketidakupayaan adalah sebagai berikut ; cacat penglihatan 31,924 orang, pendengaran 43,788 orang dan masalah fizikal sebanyak 123,346 orang. Dari jumlah tersebut negeri Perak mencatatkan sebanyak 34,630 orang dan negeri Selangor mencatatkan sebanyak 51,238 orang kurang upaya. Statistik yang dinyatakan adalah OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jika dihitung jumlah OKU yang tidak berdaftar, jumlah OKU di Perak dan Selangor akan bertambah dari semasa ke semasa kerana pertambahan penduduk dan penghijrahan OKU itu sendiri.

Menurut Abd Aziz Mohd Zin (2009), OKU boleh diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya anggota dan kurang upaya akal. Mereka menghadapi masalah ketika berhubung dengan orang awam, kesulitan ketika menggunakan kemudahan awam seperti di institusi masjid dan sebagainya. Kajian mengenai kemudahan awam yang disediakan oleh pihak bertanggungjawab sewajarnya dikaji sebagai menjaga kebajikan sosial kepada masyarakat OKU.

## PERNYATAAN MASALAH

Institusi masjid merupakan satu aset penting dalam pengembangan syiar Islam dan bukan untuk orang normal sahaja, tetapi digunakan oleh orang kurang upaya (OKU). Institusi masjid menyediakan pelbagai kemudahan serta fasiliti yang pengunjung seperti tandas, parking tempat wuduk dan sebagainya kepada orang awam. Namun begitu, kemudahan dan fasiliti yang didapati di kebanyakan

masjid di daerah Tanjung Malim, Perak belum memberikan keutamaan kepada golongan orang kelainan upaya (OKU). Hal ini menimbulkan persoalan tahap keprihatinan masyarakat kepada golongan tersebut seperti tempat letak kereta, tandas, lift, askelator, laluan pejalan kaki, tempat wuduk dan sebagainya.

Menurut Marina, N. (2006), OKU dibahagikan kepada tiga kategori iaitu orang yang tidak memiliki keupayaan mental yang memerlukan perhatian khas. Mereka termasuklah golongan cacat mental, gifted, dan kecederaan otak. Orang yang tidak memiliki kestabilan emosi yang memerlukan perhatian khas. Golongan ini termasuklah yang sakit mental dan gangguan emosi. Orang yang tiada keupayaan fizikal yang memerlukan perhatian khas. Kumpulan ini termasuklah mereka yang buta atau pandangan terhalang, pekak atau kesukaran mendengar dan apa-apa kesakitan dan kecacatan fizikal.

Menurut Sharifah, N. & Murugappiria, S. (2000), konsep persekitaran tanpa halangan (Barrier -free Environment) diperkenalkan oleh jururancang bandar di negara maju dalam menyediakan persekitaran yang selesa dan selamat bagi golongan istimewa. Tiga perkara utama yang perlu ada dalam persekitaran tanpa halangan fungsi iaitu (functionality), keselamatan (security) dan keselesaan (comfort) pada ruang yang disediakan. Konsep ini menekankan persepaduan dan penggunaan yang optimum prinsip-prinsip reka bentuk yang menjurus kepada pembinaan dan penciptaan persekitaran yang berfungsi, selamat dan selesa serta responsif kepada keperluan pengguna (Bedner, 1977).

Menurut Ishak, Z. (2008), sudah sampai masanya masyarakat menanam sikap prihatin terhadap mereka yang tidak bernasib baik selain tidak lagi menafikan hak dan keperluan mereka. Kebanyakan kemudahan yang disediakan hanya dimonopoli oleh orang normal dan kadang-kala mereka tidak diberi keutamaan hanya kerana tergolong sebagai OKU. Pihak berkuasa perlu memainkan peranan penting supaya semua kemudahan awam mesra OKU, oleh itu mereka harus memastikan kemudahan untuk memenuhi keperluan OKU bebas halangan.

Oleh itu, orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat yang perlu dibantu supaya golongan tersebut dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna. Mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau rights-based dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU. Justeru, pihak yang bertanggungjawab sewajarnya menyediakan kemudahan alat-alat bantu OKU dipremis awam dikenali sebagai kemudahan “mesra OKU”. Kemudahan atas mesra OKU perlu diwujudkan kerana golongan ini sangat memerlukan fasiliti-fasiliti yang boleh diakses dengan mudah dan selamat. Kemudahan tersebut juga perlulah dilabel supaya orang awam memahami bahawa kemudahan tersebut disediakan untuk aksesibiliti OKU sahaja. Label kemudahan mesra OKU

kebiasaan boleh di lihat pada tandas, tempat letak kereta dan laluan pejalan kaki OKU.

Kajian ini cuba meneliti kesempurnaan aksesibiliti yang disediakan oleh institusi masjid masa kini dapat diakses dan menggunakan prasarana tersebut dengan sempurna oleh golongan OKU. Skop kajian ini perlu diperhalusi kesempurnaan prasarana dan aksesibiliti yang terdapat di institusi masjid daerah Tanjung Malim, Perak adakah menepati ciri-ciri menyeluruh penetapan oleh Jabatan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan untuk pengumpulan data peringkat awal. Lokasi kajian ialah di Masjid Jamek Tanjung Malim, Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Masjid Behrang Ulu, Masjid Sultan Azlan Shah, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI dan Masjid al-Taqwa Proton City. Seterusnya dilakukan kajian lapangan melalui metode temubual. Temubual memerlukan beberapa orang terpilih untuk ditemubual bagi melengkapkan kajian ini. Antara responden ditemubual ialah orang ahli jawatankuasa di setiap masjid iaitu pengurus dan imam masjid dan golongan OKU yang terdapat di kawasan tersebut. Selain itu, kaedah observasi merupakan salah satu kaedah pengumpulan data dalam kajian ini. Pengkaji meninjau ke beberapa buah masjid terpilih di sekitar daerah Tanjung Malim untuk membuat pemerhatian terhadap aksesibiliti di masjid-masjid tersebut. Pengkaji membuat perbandingan hasil dapatan kajian yang diperolehi. Kaedah perbandingan dilakukan bagi menentukan keputusan kajian mencapai objektif.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Tempat Letak Kereta Khas

Kemudahan tempat letak kereta untuk golongan OKU boleh dilihat di bangunan besar kerajaan, masjid-masjid atau di kompleks membeli-belah. Kemudahan aksesibiliti sangat penting kepada golongan OKU kerana mungkin mereka menghadapi kesukaran mendapatkan parkir di sesuatu bangunan. Masa kini tempat meletak kereta di masjid-masjid tertentu sukar ditemui akibat ramai rakyat negara ini memiliki kenderaan masing-masing. Kadang kala mengambil masa yang lama untuk mendapatkan tempat letak kereta. Oleh yang demikian, pihak bertanggungjawab menjaga kebajikan mereka dengan menyediakan lot parking khas kepada OKU memandangkan kini golongan ini memiliki kenderaan seperti motorsikal dan kereta. Pihak masjid menyediakan beberapa tempat letak kereta khas untuk golongan OKU supaya mereka selesa dan mudah untuk melaksanakan ibadah di masjid.

Berdasarkan pemerhatian, di Masjid Jamek Tanjung Malim, Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Masjid Behrang Ulu dan Masjid al-Taqwa Proton City mendapati bahawa tidak terdapat tempat letak kereta khas untuk golongan OKU kecuali di Masjid Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI ada menyediakan beberapa tempat parking OKU. Kawasan parkir kereta di Masjid Jamek Tanjung Malim agak sempit kerana kekurangan kawasan lapang yang sesuai sehingga ada jemaah meletakkan kereta di bahu jalan berdekatan dengan masjid. Situasi ini menyukarkan golongan OKU berjemaah di masjid khususnya pada hari Jumaat. Berdasarkan temubual seorang responden OKU, Mohd Rasyidin bin Mokhtar, pada 6 April, 2013, menjelaskan pihak masjid hendaklah menyediakan lot parking kepada golongan OKU. Kawasan tempat letak kereta sedia ada sangat terhad dan tiada tempat khas untuk kereta atau motorsikal golongan OKU. Namun begitu, pengurusan masjid memberi ruang khas sebagai aksesibiliti melaksanakan ibadat. Antara kekangan ialah faktor kewangan.

Sementara itu, tinjauan pengkaji di Masjid Sultan Azlan Shah di Kampus UPSI merupakan masjid terbaharu dibina di Daerah Tanjung Malim, dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan kepada orang ramai termasuklah menyediakan fasiliti yang boleh diakseskan oleh golongan OKU. Berdasarkan temubual dengan salah seorang mahasiswa OKU di UPSI, Hashim bin Mohamad pada 15 April 2013 menyatakan masjid tersebut menyediakan tempat letak kereta khas untuk OKU yang terletak di bahagian hadapan dan bahagian belakang masjid. Kemudahan aksesibiliti ini adalah penting bagi orang OKU untuk beribadah di masjid dengan selesa.

## **Tempat Wuduk Khas**

Wuduk merupakan salah satu syarat wajib kepada umat Islam menunaikan ibadah solat. Solat tidak sah sekiranya dilakukan tanpa berwuduk walaupun ia bukanlah termasuk dalam rukun solat. Setiap masjid lazimnya mempunyai bilik wuduk atau tempat mengambil air wuduk. Kebiasaannya tempat wuduk disediakan kemudahan air paip dan tempat duduk untuk memudahkan para jemaah mengambil wuduk dengan sempurna. Sementara itu, kemudahan tempat wuduk dikhaskan kepada OKU mempunyai besi pemegang di bahagian tepi mahupun di bahagian dinding bilik wuduk bagi menjaga keselamatan golongan OKU ketika berada di tempat wuduk. Ini kerana tempat wuduk lazimnya basah dan kemungkinan akan mudah jatuh sekiranya ciri-ciri keselamatan tidak diambil perhatian.

Pemerhatian pengkaji di Masjid Jamek Tanjung Malim, Masjid al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Masjid Behrang Ulu dan Masjid al-Taqwa Proton City mendapati masjid-masjid tersebut tidak dilengkapi dengan kemudahan tempat wuduk khas untuk golongan OKU. Semua masjid tersebut merupakan masjid yang boleh memuatkan jemaah sekitar lima ratus orang sahaja. Keadaan demikian

masjid ini menyediakan tempat wuduk yang sangat kecil untuk orang ramai. Ketiadaan tempat wuduk khas menimbulkan kesukaran kepada OKU mengambil wuduk khususnya bagi OKU yang tidak berkeupayaan dari segi anggota badan. Sementara itu, di Masjid Sultan Azlan Shah (UPSI) dilihat mempunyai tempat wuduk yang selesa dan mencukupi untuk orang ramai mengambil wuduk. Malah terdapat juga bilik wuduk yang selesa dan bilik wuduk tersebut diasingkan mengikut lelaki dan perempuan. Namun demikian, tempat wuduk khas untuk golongan OKU tidak terdapat di masjid tersebut. Situasi ini sama juga seperti masjid-masjid yang dinyatakan di atas.

## Kemudahan Tandas

Tandas adalah suatu kemudahan asas yang perlu di dalam sesebuah bangunan bersaiz kecil atau pun bangunan besar. Ia merupakan satu pelengkap di dalam pembinaan bangunan. Dewasa ini, tandas OKU semakin mudah di dapat di beberapa bangunan-bangunan besar. Kemudahan tandas OKU kebiasaannya terletak bersebelahan dengan tandas biasa dan terdapat label OKU pada pintu tandas tersebut. Tandas OKU dibina sama seperti tandas orang awam yang mana dilengkapi dengan mangkuk tandas, pemegang besi sebagai tempat bergantung, pili paip, cermin, getah paip dan sebagainya.

Namun begitu, struktur binaan telah membezakan tandas OKU dengan tandas orang awam. Tandas OKU mempunyai saiz dan ketinggian yang tersendiri serta dilengkapi dengan pemegang besi di bahagia tepi atau dinding tandas bagi memudahkan mereka untuk menggunakan tandas sekali gus memberi keselesaan semasa berada di dalam tandas. Berdasarkan pemerhatian pengkaji di Masjid Sultan Azlan Shah, UPSI mendapati masjid ini dilengkapkan dengan tandas khas untuk golongan OKU sama ada di bahagian lelaki maupun di bahagian perempuan. Penyediaan prasarana tandas khas ini membolehkan golongan OKU menggunakan tandas tersebut dengan selesa. Kenyataan ini telah diakui oleh Mohamad Hashim Mohamad dalam sesi temu bual pengkaji di masjid tersebut. Beliau menyatakan tandas yang terdapat di masjid ini sangat merupakan salah satu fasiliti yang memuaskan dan saya sendiri sebagai OKU melahirkan rasa puas hati terhadap kemudahan yang diwujudkan oleh pihak masjid. Malah, tandas OKU disediakan di kedua-dua bahagian lelaki dan perempuan. (Mohamad Hashim bin Mohamad, temubual pada 4 April, 2013). Sementara itu, pemerhatian pengkaji di Masjid Jamek Tanjung Malim, Masjid al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Masjid Behrang Ulu dan Masjid al-Taqwa Proton City mendapati masjid tersebut tidak menyediakan kemudahan tandas khas untuk golongan OKU.

## Laluan Khas/Laluan Pejalan Kaki

Laluan khas OKU merupakan kemudahan salah satu kemudahan yang perlu disediakan di dalam sesebuah bangunan khususnya di masjid. Kemudahan

laluan khas ini membolehkan golongan OKU menggunakan kerusi roda (wheel chair) dengan mudah dan selamat. Lazimnya penggunaan kerusi roda ini memerlukan permukaan jalan yang rata sahaja dan tidak boleh melalui anak tangga. Oleh yang demikian, laluan khas ini dibina bagi membantu golongan OKU menggunakan kerusi roda dengan mudah (mobility dan aksesibiliti) semasa berada di lokasi bangunan masjid.

Berdasarkan pemerhatian, laluan khas pejalan kaki untuk OKU hanya terdapat di Masjid Sultan Azlan Shah. Di masjid tersebut menyediakan kemudahan ini di bahagian hadapan masjid dan juga di bahagian belakang masjid. Hal ini memudahkan orang ramai termasuklah OKU memasuki masjid kerana kedua-dua bahagian itu adalah laluan utama masyarakat kampus keluar masuk Masjid Sultan Azlan Shah. Sementara itu, pemerhatian pengkaji di Masjid Jamek Tanjung Malim, Masjid al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Masjid Behrang Ulu dan Masjid al-Taqwa Proton City mendapati masjid-masjid tersebut tidak menyediakan kemudahan laluan khas pejalan kaki untuk golongan OKU.

### **Tempat/peralatan khas Solat**

Kemudahan tempat solat khas kepada golongan OKU sangat jarang daptati di mana-mana masjid di seluruh negara. Namun, alat-alat bantu solat bagi OKU mungkin banyak telah disediakan oleh masjid-masjid tertentu seperti kerusi khas, tulisan brearil bagi OKU yang mengalami kecacatan fizikal dan buta. Kebanyakan masjid menyediakan kerusi khas sebagai alat bantu solat. Berdasarkan pemerhatian pengkaji di Masjid Jamek Tanjung Malim, Masjid al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Masjid Behrang Ulu, Masjid al-Taqwa Proton City menyediakan kerusi khas untuk OKU melaksanakan solat. Sementara pemerhatian di Masjid Sultan Azlan Shah UPSI mendapati pihak pengurusan tidak menyediakan kemudahan alat bantu solat untuk OKU bersolat.

### **Tempat Dan Ruangan Solat**

Secara umumnya, kemudahan tempat solat untuk golongan OKU tidak didapati di mana-mana masjid di daerah Tanjung Malim. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat tiga masjid yang menyediakan kerusi plastik kepada golongan jemaah yang kurang upaya dari segi fizikal. Sepertimana yang dinyatakan oleh Imam Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020, iaitu Haji Mujari bin Haji Sidek ketika ditemubual mengatakan terdapat kerusi plastik disediakan oleh pihak masjid untuk jemaah OKU menunaikan solat di masjid ini. Kerusi ini biasanya diletakkan di bahagian tepi dinding masjid berdekatan dengan tempat wuduk.

## Sudut Bacaan Khas

Sudut bacaan khas ialah ruangan bacaan dilengkapi dengan kitab-kitab agama seperti al-Quran, kitab-kitab hadith, buku-buku serta risalah-risalah ilmiah berbentuk tulisan Braille. Ia memberi kemudahan kepada golongan OKU masalah penglihatan supaya mereka menggunakan sudut bacaan tersebut seperti orang normal yang disediakan di masjid. Sehingga kini kemudahan sudut bacaan OKU belum lagi diwujudkan di masjid-masjid. Ianya sebagai rancangan awal menyediakan fasiliti ini kepada golongan OKU. Pengkaji menyimpulkan semua masjid-masjid di daerah Tanjung Malim tidak menyediakan kemudahan sudut bacaan kepada orang ramai bagi memudahkan aktiviti ibadah di masjid.

Secara umumnya, sudut bacaan khas merupakan kemudahan yang belum wujud dalam mana-mana masjid di daerah Tanjung Malim. Melalui pemerhatian yang dilakukan di semua masjid di Tanjung Malim, pengkaji mendapati bahawa terdapat rak-rak yang dilengkapi dengan naskhah-naskhah al-Quran dan Surah Yassin, namun tiada terdapat mana-mana bahan bacaan tersebut boleh diakseskan oleh golongan OKU cacat penglihatan. Hal ini dapat disimpulkan bahawa masjid-masjid di daerah Tanjung Malim tidak menyediakan kemudahan-kemudahan untuk golongan OKU yang tiada daya penglihatan.

Masjid merupakan sebuah institusi yang sangat penting dalam masyarakat. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan di masjid seperti aktiviti kemasyarakatan, aktiviti ekonomi dan aktiviti pendidikan. Hal ini menunjukkan bahawa masjid adalah suatu tempat yang sering kali dikunjungi penduduk setempat selain solat berjemaah bersama-sama. Justeru, kemudahan dan fasiliti yang asas perlu diwujudkan bagi memudahkan penduduk yang berkunjung di masjid untuk melakukan pelbagai aktiviti sosial.

Meskipun begitu, masyarakat perlu sedar bahawa terdapat berbagai-bagi kategori manusia di daerah Tanjung Malim. Bagi golongan OKU, mereka jarang berkunjung ke masjid sama ada solat berjemaah mahupun menyertai aktiviti sosial akibatkekangan dari aspek kemudahan yang terdapat di masjid itu sendiri. Berdasarkan kajian ke atas lima buah masjid di sekitar daerah Tanjung Malim, terdapat sebuah masjid dilengkapi dengan kemudahan serta fasiliti yang boleh diakses oleh golongan OKU iaitu Masjid Sultan Azlan Shah, UPSI. Antara kemudahan di masjid tersebut ialah tempat letak kereta, laluan pejalan kaki dan tandas khas. Manakala masjid-masjid yang lain masih tidak menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut. Hal ini disebabkan oleh masalah kewangan. Pengurusan masjid mempunyai saluran kewangan tersendiri dalam pengurusan dan perbelanjaan. Berikut dinyatakan di Jadual 1, Kemudahan Aksesibiliti OKU di Masjid-masjid Daerah Tanjung Malim.

## **Jadual 1 : Kemudahan Aksesibiliti OKU Di Masjid-Masjid Daerah Tanjung Malim**

i.	Nama masjid	Parking Kereta Khas	Tempat Wuduk Khas	Kemudahan Tandas	Laluan Khas/Laluan Pejalan Kaki	Kerusi khas Solat	Sudut Bacaan
Kemudahan							
.	Masjid Jamek Tanjung Malim,	x	x	x	x	✓	x
.	Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020	x	x	x	x	✓	x
.	Masjid Behrang Ulu	x	x	x	x	✓	x
.	Masjid al-Taqwa Proton City	x	x	x	x	✓	x
.	Masjid Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI	✓	✓	✓	✓	x	x

Sumber: Penyelidikan, Jun 2013.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan di atas disimpulkan bahawa golongan OKU mengalami kesukaran untuk akses ke institusi masjid bagi melakukan ibadah. Oleh yang demikian, perkhidmatan dari segi kemudahan dan fasiliti yang sesuai sangat diperlukan oleh golongan yang kurang berasib baik ini. Namun begitu, analisis kajian mendapat terdapat sebuah masjid yang dilengkapi dengan kemudahan dan fasiliti OKU iaitu Masjid Sultan Azlan Shah, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI dikategorikan sebagai masjid Mesra OKU. Masjid Sultan Azlan Shah mempunyai reka bentuk menarik, dilengkapi kemudahan dan fasiliti yang bersesuaian dengan persekitaran masyarakat setempat. Manakala masjid-masjid lain di daerah Tanjung Malim tidak menyediakan kemudahan fasilitis yang boleh diakses oleh OKU. Jumlah OKU yang bermastautin di sekitar masjid juga menjadi faktor dalam mewujudkan fasiliti OKU di masjid. Selain itu, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kewujudan kemudahan dan aksesibiliti golongan OKU di masjid daerah Tanjung Malim. Antaranya peruntukan kewangan dalam sesebuah pengurusan masjid itu sendiri. Peruntukan kewangan masjid di bawah tanggungjawab pihak Jabatan Agama Islam negeri. Agihan kewangan diberikan mengikut perbelanjaan masjid yang berbeza. Pihak berkuasa perlu berperanan supaya semua kemudahan awam mesra OKU diberi keutamaan. Kemudahan prasarana dan aksibiliti di masjid yang akses perlu diwujudkan supaya orang kurang upaya mempunyai hak menggunakan masjid sebagai tempat beribadah selain melakukan aktiviti sosial seperti bermuzakarah, menimba ilmu dan sebagainya. Justeru, pihak kerajaan perlu mengambil tindakan sewajarnya supaya masjid di daerah Tanjung Malim mempunyai kemudahan yang Mesra OKU. Pihak yang bertanggungjawab menggalakkan masyarakat memberi perhatian terhadap golongan yang kurang berasib baik ini agar mereka juga mendapat keistimewaan di sisi masyarakat.

## **RUJUKAN**

Abdul Aziz bin Mohd Zin. (2009). et, Dakwah Islam terhadap OKU. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.

Ishak , Z. (2008). "Hari Tongkat Putih bawa mesej kesedaran." Atas talian: [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1115&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Sabah\\_%26\\_Sarawak&pg=wb\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1115&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sabah_%26_Sarawak&pg=wb_01.htm) (30Januari 2009).

Marina, N. (2006). "Penglibatan perunding binaan dalam perancangan dan rekabentuk kemudahan dan bangunan untuk Orang Kurang Upaya (OKU)." Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia:Skudai.

Michael J.Bednar. (1977). Barrier-free Environments,Dowden, Hutchinson & Ross, Universiti Michigan.

Shalini a/p Sanmargaraja & Seow Ta Wee, Kajian Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru. Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan Jabatan Binaan dan Harta Tanah, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia (UTHM).

Sharifah , N. & Murugappiria , S. (2000). "Perancangan Bandar Selamat Bagi Golongan Istimewa Peranan Jururancang." Dalam Ke Arah Perancangan Dan Pembangunan Persekutaran Yang Selamat." Prosiding Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar Dan Wilayah Kali Ke - 18. Universiti Teknologi Malaysia: Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah. 64 - 70.

Yusri Abd. Malik & Siti Paujiah (a) (1995). Kecacatan Anggota. Selangor: Pernerbit Setiamas.

Mohamad Sofee Razak (2007). "Sejarah OKU Tercipta", Utusan Malaysia. 22 Disember 2007.

## **TEMU BUAL**

Haji Mujari bin Haji Sidek (Imam), Masjid Al-Hidayah Bandar Behrang 2020, Tanjung Malim, 2 April 2013.

Murad bin Johari (Penduduk Kampung Behrang Ulu), Masjid Behrang Ulu, Tanjung Malim, 1 April 2013.

Mohd Rasyidin bin Mokhtar (Mahasiswa OKU, UPSI), Masjid Jamek Tanjung Malim, 6 April 2013.

Mohamad Hashim bin Mohamad, temubual pada 4 April, 2013.